

## SKEMA BAHASA MELAYU KERTAS 2

### BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA [35 Markah]

#### SOALAN 1 : MORFOLOGI ( KATA NAMA DAN KATA KERJA)

##### Kata Nama

- Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Dron
- Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara, Besut

##### Kata Kerja

- Menggunakan  
(Ali menggunakan sebilah pisau untuk memotong sayur-sayuran)
- Merakam  
(Daniel merakam video sepanjang majlis persandingan raja sehari yang berlangsung itu)
- Memperkenal  
(Kerajaan memperkenal Dasar 1 Murid 1 Sukan untuk memastikan setiap murid mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum)
- Pengeluaran  
(Orang ramai bersesak-sesak mengunjungi KWSP untuk pengeluaran i-Sinar)
- Penerbangan  
(Syarikat penerbangan mengalami kerugian besar sepanjang pandemik Covid-19

[6 Markah]

#### SOALAN 2: SINTAKSIS (Ayat Susunan Biasa kepada Susunan Songsang)

1. Buli siber merupakan perbuatan membuli melalui teknologi digital.
  - Merupakan perbuatan membuli melalui teknologi digital **buli siber**.
2. Masyarakat mengejar populariti dan pendapatan di alam maya.
  - Mengejar populariti dan pendapatan di alam maya **masyarakat**.
  - Di alam maya **masyarakat** mengejar populariti dan pendapatan.
  - Mengejar populariti dan pendapatan **masyarakat** di alam maya.
3. Mangsa buli perlu membuat aduan kepada pihak berkuasa.
  - Perlu membuat aduan kepada pihak berkuasa **mangsa buli**.
  - Perlu membuat aduan **mangsa buli** kepada pihak berkuasa
  - Kepada pihak berkuasa **mangsa buli** perlu membuat aduan.
  - Kepada pihak berkuasa perlu membuat aduan **mangsa buli**.

[6 Markah]

**SOALAN 3: PENYUNTINGAN**

Bil	Kesalahan Tatabahasa	Pembetulan
1	taktik	Kaedah / Amalan / Teknik
2	hidroponic	hidroponik
3	pengguna	penggunaan
4	minima	minimum
5	banyak petani-petani	banyak petani / petani-petani
6	. (tanda noktah)	? (tanda soal)
7	mengantikan	menggantikan
8	teknoloji	teknologi
9	aspek	bidang / sektor
10	positif	negatif
11	walaupun	kerana / bahkan

**[11 Markah]**

- CALON WAJIB SENARAIKAN KESALAHAN DAN PERBETULKAN KESALAHAN.  
(JIKA CALON TIDAK MENYENARAIKAN KESALAHAN 0 MARKAH)

**PERHATIAN BAGI SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD****Panduan Penskronan**

Bil	Markah	Kriteria
1	<b>Cemerlang</b> ( 5-6 )	1.Struktur ayat mengikut petikan. 2.Mengekalkan maksud seperti dalam petikan 3.Mengekalkan laras bahasa istana jika berkenaan . 4.Tanda baca dalam setiap ayat dikekalkan. 5.Penggunaan kata yang tepat dan gramatis.
2	<b>Baik</b> ( 3-4 )	1.Struktur ayat masih mengikut petikan. 2.Masih mengekalkan maksud seperti dalam petikan 3.Masih mengekalkan laras bahasa istana . 4.Tanda baca dalam setiap ayat masih dikekalkan. 5.Penggunaan kata yang masih tepat dan gramatis.
3	<b>Lemah</b> (1- 2 )	1.Sebahagian besar struktur ayat dalam petikan tidak dikekalkan. 2. Sebahagian besar maksud dalam ayat tidak dikekalkan. 3.Sebahagian besar laras bahasa istana tidak dikekalkan. 4. Sebahagian besar tanda baca dalam setiap ayat tidak dikekalkan 5.Banyak kesalahan penggunaan kata dan bahasa tidak gramatis

**Cadangan jawapan:**

Apabila hari malam Kertala Sari masuk ke dalam kota. Dia mendengar bunyi orang berkawal dan bunyi leming tangkis-menangkis. Kertala Sari pun membaca manteranya sambil berjalan di tengah-tengah orang ramai lalu masuk ke dalam rumah Bendahara. Dia mencuri harta yang berharga dan membawanya pergi.

Apabila hari siang, Bendahara terkejut lalu mengatakan berlaku kecurian.

**[6 markah]**

**PERHATIAN BAGI SOALAN 5: PERIBAHASA**

1. Berikan 1 markah untuk setiap peribahasa yang tepat.
2. Berikan 1 markah untuk setiap maksud peribahasa yang tepat.
3. Berikan 0 markah untuk peribahasa yang salah.
4. Periksa atau tanda 3 peribahasa yang pertama sahaja.

**Skema jawapan**

**1. Bagai kaca terhempas ke batu**

**Maksud :** hati yang hancur kerana dukacita

**2. Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya**

**Maksud :** cita-cita tanpa usaha tidak akan tercapai

**3. Belakang parang kalau diasah dia dah lagikan tajam**

**Maksud :** orang yang bodoh kalau diajar / belajar bersungguh-sungguh pasti memperoleh kejayaan

**4. Pisang tidak berbuah dua kali**

**Maksud :** sentiasa berhati-hati agar tidak melakukan kesilapan yang sama

**[6 markah]**

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

**[35 Markah]**

**Perhatian bagi soalan 6 [ Petikan Umum ] dan soalan 7 [ Petikan Sastera ]**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna

**Panduan Penskoran Soalan pemahaman**

**1. Soalan 2 markah:**

DESKRIPSI	MARKAH
-----------	--------

-Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
-Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis	1
-Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	
-Jawapan tidak tepat / salah	0

**2. Soalan 3 markah:**

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
-Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat gramatis	
-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat gramatis	1
-Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

**3. Soalan 4 markah:**

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
-isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat masih gramatis	2
-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
-Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

**SOALAN 6: PETIKAN UMUM**

(i) *Melatih anggota-anggota*

(ii) *Persamaan:*

*Ibu bapa menunjukkan contoh yang baik dalam mengamalkan budaya masyarakat penyayang.*

*Perbezaan:*

*Bahan 1 – NGO patut menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan. Bahan 2 – Ibu bapa seharusnya memberikan kasih sayang kepada anak-anak*

- (iii) – *Memberikan bantuan modal perniagaan untuk mereka memulakan perniagaan berdasarkan kebolehan mereka*
- *Memberikan pendidikan dan kemahiran kepada anak-anak mereka supaya mereka boleh mencari pekerjaan berdasarkan kemahiran tersebut*
  
- (iv) – *Saya akan menghabiskan banyak masa dengannya – supaya dapat mendengar luahan hatinya – menjadi teman yang baik kepadanya – daripada luahan hati tersebut, saya akan membantunya setakat yang boleh*
- *Saya akan membawa rakan saya berjumpa dengan kaunselor sekolah – memberikan motivasi dan semangat kepadanya*

**[12 Markah]**

**SOALAN 7: PETIKAN SASTERA**

i.	<b>Maksud menyimpan hikmah ialah...</b>	<b>M</b>
P1	menaruh/menghimpun/mengandungi kelebihan/kebaikan/ rahsia.	2
P2	menaruh/menghimpun/mengandungi hikmah	1
P3	Menyimpan kelebihan/kebaikan/ rahsia	0

ii.	<b>Berdasarkan semua bahan, punca-punca remaja kini tidak berminat dengan aktiviti luar ialah ...</b>
P1	...untuk orang susah. (B1)
P2	...membuang masa dan tenaga. (B1)
P3	...leka bermain peranti. (B2)
P4	...menyebabkan peluh/ berbau busuk. (B2)

**ISI CUKUP : 3 [4 Markah]**

iii	<b>Pada pendapat saya, manfaat-manfaat aktiviti luar yang disertai oleh remaja ialah ...</b>
P1	...menyihatkan tubuh badan.
P2	...mengisi masa lapang dengan perkara berfaedah.
P3	...mendapatkan kawan baharu.
P4	...menambah ilmu pengetahuan.
P5	...mengurangkan stres.

**ISI CUKUP : 2 [3 Markah]**

iv.	<b>Sebagai rakan yang prihatin, cadangan kepada rakan saya tentang cara-cara yang dia boleh lakukan untuk mencapai cita-citanya menjadi atlet sukan yang berjaya ialah..</b>
P1	...rakan saya perlu membuat latihan secara konsisten supaya dapat mengasah kemahiran.
P2	...rakan saya hendaklah menjadikan seseorang sebagai idola agar dapat memotivasi diri.
P3	...rakan saya perlulah membayai jurulatih yang berpegalaman supaya dapat meningkatkan ilmu.

P4	...rakan saya wajarlah menyertai pertandingan agar dapat meningkatkan persaingan diri.
----	--

ISI CUKUP 3: [4 Markah]

**Perhatian bagi soalan 8 [novel]**

**Panduan penskoran**

8. (i) Jawapan berdasarkan petikan novel.	Markah
(i) Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
(ii) Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis.	3
(iii) Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat masih gramatis.	2
(iv) Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
(v) Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas dan ayat gramatis	0

[ Maksimum : 4 markah ]

[ Isi cukup : 3 isi ]

**8. (ii) Jawapan berdasarkan sebuah novel.**

- (i) Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap dan jelas.
- (ii) Beri 2 markah bagi setiap peristiwa yang lengkap/ jelas
- (iii) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang tidak jelas
- (iv) Markah isi maksimum 4 markah ( berdasarkan 2 isi yang lengkap/jelas ).
- (v) Markah bahasa maksimum 2 markah
- (vi) Markah bahasa diberi secara *impression*.

Baik : 2 markah

Lemah : 1 markah

- (vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah bahasa.
- (viii) Calon tidak menjawab 0 markah

[ Maksimum: 6 Markah ]

**SOALAN 8: PEMAHAMAN NOVEL**

i) **Alasan Azraai bimbang dengan keselamatan Farisha:**

- *kes pembunuhan tak jauh dari apartmen tempat Farisha.*
- *Lelaki yang dibunuh, bekerja seperti Farisha sebagai jurutera keselamatan*

**Tindakan yang dilakukannya:**

- *memasang retinal scanner dirumah Farisha*

[4 Markah]

ii) **Faedah-faedah yang dapat saya teladani setelah membaca novel tersebut ialah:**

- Novel yang saya pelajari ialah novel *Di Sebalik Dinara*. Dalam novel ini terdapat pelbagai kisah dan peristiwa yang dapat saya jadikan sebagai teladan dan pengajaran untuk menjalani kehidupan. Contohnya, peristiwa Azraai yang amat menyayangi Farisha tanpa berbelah bahagi walaupun dia tahu bahawa Farisha hanyalah anak angkat dalam keluarganya wajar saya jadikan teladan, iaitu kepentingan nilai kasih sayang dan kemanuslaan sesama insan walaupun kita tidak mempunyai pertalian darah dengan insan tersebut.
- Dalam novel ini juga terdapat banyak nilai murni yang ditunjukkan oleh watak-wataknya, dan seterusnya dapat saya contoh sebagai pembaca. Contohnya, nilai kerajinan yang ditunjukkan oleh Karl, ayah Farisha. Karl merupakan samskipat yang rajin serta banyak membuat kajian dan penyelidikan. Karl juga pernah memenangi anugerah motivasi peringkat kebangsaan Melaluinya, saya menyedari kepentingan sikap rajin untuk mencapai kejayaan dalam setiap pekerjaan yang kita lakukan.

[6 Markah]

**BAHAGIAN C: RUMUSAN  
(30 Markah)**

**PANDUAN PENSKORAN**

**Markah penuh 30 dibahagikan kepada**

- a) Isi - 20 markah
- b) Bahasa - 10 markah

**a) Isi [20 markah] Nota:**

i. Panduan mengira perkataan :

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana
- peribahasa/ slogan

- ii. Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- v. Rumusan mesti mengandungi 1 isi pendahuluan, 8 isi tersurat dan 1 isi kesimpulan;
- vi. 8 isi tersurat mesti mengambil dari setiap bahan dan setiap fokus.

vii. Isi rumusan mesti menyentuh semua bahan dan semua fokus.

Bahagian	Isi	Jumlah isi yang dikira															Markah
(i) Pendahuluan	1	1															2
(ii) Isi																	
Fokus 1- Bahan 1 - Bahan 2	6	6	5	5	4	4	4	3	3	3	2	2	2	1	1	1	16
Fokus 2-Bahan 1	3	1	1	2	1	2	3	1	2	3	1	2	3	1	2	3	
	6	1	2	1	3	2	1	4	3	2	5	4	3	6	5	4	
Jumlah isi		8															
(iii) Kesimpulan	1	1															2
Jumlah		10															20

b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa berdasarkan peringkat dan huraihan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Bahasa	Huraihan
Cemerlang	8 - 10	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi baik</li> <li>- Struktur ayat / tatabahasa baik</li> <li>- Kosa kata amat luas</li> <li>- Tanda bacaan / ejaan betul</li> </ul>
Baik	5- 7	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi baik</li> <li>- Struktur ayat / tatabahasa baik</li> <li>- Kosa kata luas</li> <li>- Tanda bacaan / ejaan betul</li> </ul>
Sederhana	3 - 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi masih baik</li> <li>- Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan</li> <li>- Kosa kata masih memuaskan</li> <li>- Tanda bacaan / ejaan juga memuaskan</li> </ul>
	1 – 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan</li> </ul>

[ Markah bahasa maksimum: 10 markah]

**SOALAN 9 : SKEMA JAWAPAN RUMUSAN**

**PENDAHULUAN -2m**

PENDAHULUAN		MARAKAH
P1	Rumusan membincangkan manfaat/kelebihan/faedah/kepentingan/kebaikan sukan air dan langkah-langkah keselamatan mengendalikan sukan air.	2

P2	Rumusan membincangkan manfaat/kelebihan/faedah/kepentingan/kebaikan sukan air	1
P3	Rumusan membincangkan langkah-langkah keselamatan mengendalikan sukan air.	1
P4	Petikan membincangkan.....	0

**Isi-isi – 16 m**

**Fokus 1 - manfaat/kelebihan/faedah/kepentingn/kebaikan Sukan Air**

**Bahan 1**

F1-1	Mempercepatkan pengeluaran adrenalina	2
F1-2	Jantung juga berdegup kencang bagi menghantar oksigen ke seluruh bahagian tubuh	2
F1-3	Jangka hayat perenang berkemungkinan lebih panjang berbanding dengan atlet lain	2
F1-4	Sukan air berkumpulan dapat memupuk sikap saling mempercayai, persefahaman dan perpaduan	2

**Fokus 2 - langkah-langkah keselamatan mengendalikan sukan air.**

**Bahan 1**

F2-1	Peserta mestilah mematuhi peraturan dan arahan yang diberikan	2
F2-2	Pihak pengurusan perlu mengutamakan aspek keselamatan	2
F2-3	Ibu bapa mestilah memantau keselamatan anak-anak ketika melakukan aktiviti sukan air	2

**Fokus 1 - manfaat/kelebihan/faedah/kepentingn/kebaikan Sukan Air**

**Bahan 2**

F1-1	Menyihatkan badan	2
F1-2	Membentuk disiplin diri	2
F1-3	Memupuk semangat kerjasama	2

**KESIMPULAN – 2m**

K 1	Kesimpulannya, semua pihak haruslah berganding bahu dalam memajukan sukan air supaya sukan air di negara kita mampu bersaing dengan negara-negara dalam sukan ini.	2
--------	--	---

**Bahasa – 10m**

Cemerlang	8 - 10
Baik	5 - 7
Sederhana	3 - 4
Lemah	1 - 2